

Jenis Akhbar : Bernama Online
Tarikh : 05/07/2017
Edisi / Muka Surat : www.bernama.com

Enam Bertanding Rebut Jawatan Utama Angkasa 22 Julai Ini

KUALA TERENGGANU, 5 Julai (Bernama) -- Seramai 40,000 perwakilan dijangka menghadiri persidangan tahunan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) pada 22 Julai ini yang akan berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) Kuala Lumpur.

Timbalan Presiden Angkasa Mutadho Bahri berkata persidangan itu akan menyaksikan pertandingan untuk merebut jawatan utama Presiden, Timbalan Presiden dan empat orang merebut jawatan Naib Presiden.

"Kami mengikut demokrasi, Presiden Angkasa Datuk Abdul Fattah Abdullah juga turut bertanding dan akan mempertahankan jawatannya itu," katanya pada majlis sambutan Hari Raya Angkasa negeri Terengganu di sini hari ini.

Ketika ini jawatan Presiden disandang Abdul Fattah, Timbalan Presiden oleh Mutadho sendiri manakala empat Naib Presiden iaitu Prof Madya Datuk Mohamad Ali Hasan, Datuk Kamarudin Ismail, Datuk Aliasak Ambia dan Mohamad Azmi Omaruddin.

Mengenai Angkasa Mutadho berkata dengan gerak kerja yang dijalankan sekarang, pihaknya berpuas hati di mana anak syarikat Angkasa yang ditubuhkan berjalan dengan baik dan mula mendatangkan hasil manakala program yang dirancang terlaksana dengan baik.

Katanya, Angkasa mempunyai enam anak syarikat antaranya MyAngkasa Dialisis Sdn Bhd, Angkasa Bina, MyAngkasa Holding Sdn Bhd, MyAngkasa Akademi & Resort, Sektor Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan Angkasa.

Mutadho berkata seperti Angkasa Bina, ia membangunkan projek perumahan dan satu kejayaan yang amat membanggakan apabila berjaya membina projek perumahan Koop-City di Johor.

"Melalui Angkasa Bina, kami juga membantu koperasi di seluruh negara yang mempunyai tanah untuk kami maju dan bangunkan," kataya.

Katanya melalui MyAngkasa Dialisis, dua pusat dialisis diwujudkan di Temerloh, Pahang dan di Kuala Kedah, Kedah bagi membantu pesakit yang menghidap penyakit buah pinggang.

Melalui Pemegang Amanah Yayasan Angkasa, ia berurusan mengenai harta pusaka membabitkan pelanggan Angkasa seperti Agro Bank, Bank Simpanan Nasional (BSN), kakitangan Felcra dan sebagainya menggunakan perkhidmatan anak syarikat Angkasa itu.

-- BERNAMA